

Salam LESTARI

No. 33 Disember 2013

PUSAT KECEMERLANGAN BERPOTENSI (HiCoE): PEMACU KEPADA PENYELIDIKAN KELESTARIAN

Rospidah Ghazali | rospidah@ukm.my

Tanggal 16 Disember 2011, sejarah tercatat buat Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) apabila dianugerahkan geran bernilai RM2 juta oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia (kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan, Malaysia). Ia merupakan pengiktirafan kepada warga LESTARI khususnya dan UKM keseluruhannya terhadap peranan dan sumbangan signifikannya di dalam bidang keilmuan yang turut memberi manfaat kepada masyarakat awam. Anugerah yang berupa dana suntikan di bawah Pusat Kecemerlangan Berpotensi (HiCoE) merupakan persediaan kepada LESTARI untuk melonjak dan menyerlahkan kewibawaanya di dalam bidang tujuan iaitu pembangunan lestari.

Semenjak ditubuhkan pada Oktober 1994, gagasan pembangunan lestari merupakan bidang dan kekuatan yang didokong dan dimiliki oleh warga LESTARI. Malahan, penubuhan LESTARI merupakan respons kepada isu global yang hangat dibincangkan pada ketika itu iaitu keperluan mengimbangi kepesatan pembangunan ekonomi/material dan usaha-usaha untuk memulihara sumber asli dan alam sekitar. Justeru

itu, penyelidikan yang dijalankan adalah bersifat multi, inter, dan trans-disiplin yang mana melangkaui penyelidikan tradisi yang berbentuk mono disiplin. Empat buah pusat penyelidikan iaitu Pusat Kelestarian Alam Sekitar, Ekonomi dan Sosial (KASES), Pusat Sains dan Governans Kelestarian (SGK), Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL) dan Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI) bertanggungjawab menjaya visi dan misi LESTARI bukan sahaja di dalam aspek penyelidikan malahan merangkumi aktiviti-aktiviti teras yang lain.

LESTARI telah meletakkan sasaran untuk memperolehi taraf Pusat Kecemerlangan CoE menjelang tahun 2014. Seterusnya pada tahun 2018, LESTARI meletakkan aras sebagai pusat rujukan antarabangsa sejajar dengan aspirasi transformasi UKM untuk menjadi sebuah universiti penyelidikan unggul sederap dengan universiti terkehadapan dunia. Dalam mencapai matlamat berkenaan, persediaan dan persiapan dalam pelbagai aspek giat dilakukan supaya impian dan cita-cita dapat dicapai.

PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN

Penyelidikan merupakan teras utama aktiviti LESTARI. Penubuhan LESTARI pada tahun 1994 menyaksikan LESTARI telah menyelidik pelbagai isu kelestarian sama ada pada skala lokal sehingga kepada global. Di bawah dana CoE berpotensi, kira-kira 70 peratus telah diperuntukan bagi membangunkan aktiviti-aktiviti berkaitan penyelidikan. Agihan peruntukan yang besar ini memberi peluang kepada warga penyelidik meneroka aktiviti-aktiviti dan bidang penyelidikan dengan skop yang lebih luas dan terperinci. Data dan maklumat penyelidikan yang diperoleh bakal menyumbang kepada dapatan kajian yang lebih signifikan. Selain daripada itu, manfaat agihan besar ini membolehkan keterlibatan pelajar siswazah yang lebih ramai di dalam mengkaji isu-isu kelestarian. Hasil dapatan penyelidikan yang dikaji memberi ruang dan peluang kepada para penyelidik bersama-sama pelajar menerbitkan dapatan kajian di dalam pelbagai medium penerbitan seperti jurnal, buku, monograf dan kertas persidangan.

Dalam melaksanakan projek-projek penyelidikan ini, jalinan kerjasama dengan penyelidik-penyelidik dari fakulti-fakulti dan institut-institut

dari dalam UKM dan luar UKM turut dijalankan. Gabungan strategik kepakaran daripada pelbagai bidang di antara penyelidik dalam dan luar LESTARI dapat menyokong dan menampung kekurangan kepakaran di dalam bidang-bidang kajian tertentu. Di samping itu, ianya dapat memperkuuhkan lagi kerjasama dengan institut dan fakulti yang telah pun sedia terjalin.

Pembangunan koridor yang merupakan agenda utama pembangunan negara diadaptasi oleh LESTARI dan dijadikan fokus di dalam penyelidikan di bawah dana CoE berpotensi. Menerusi dana ini, para penyelidik meneroka hampir keseluruhan koridor pembangunan iaitu Iskandar Malaysia, Selatan Johor (IRDA), Koridor Wilayah Pantai Timur (ECER), Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui (SCORE). Perkembangan pesat yang sedang berlaku di wilayah-wilayah koridor berkenaan menjadikan isu-isu pembangunan dan alam sekitar amat signifikan untuk dikaji dan dikupas.

Enam kumpulan teras dipertanggungjawabkan bagi menjalankan penyelidikan berdasarkan lima koridor pembangunan berkenaan. Sebanyak lapan topik telah diputuskan sebagai subjek dan fokus utama yang diselidiki oleh enam kumpulan teras berkenaan. Lapan topik berkenaan adalah seperti berikut:

- Projek Pelan Strategi Pembangunan Lestari Wilayah;
- Pembentukan Halatuju Pembangunan Lestari Sumber Hutan dan Air di Negeri Pahang;
- Transisi ke Arah Kelestarian: Menilai Perubahan Pembandaran di Lembangan Sungai Pahang;
- Kepenggunaan Hijau: Kajian Kesedaran, Pengetahuan, Perlakuan dan Kesanggupan Membayar untuk Produk Hijau di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER);
- Kesedaran Keselamatan Bahan Kimia di kalangan Pelajar Sekolah Menengah;

- Kemudahterancaman dan Adaptasi terhadap Bencana Berkasked;
- Kepelbagai Sumber Warisan Geologi Lembangan Sungai Pahang dan Potensinya untuk Geopelancongan dan Pembangunan Geopark; dan
- Kajian Pembangunan Wilayah Delta Sarawak.

Setiap topik mengkaji isu-isu kelestarian yang merupakan fokus penyelidikan masing-masing. Selain daripada penyelidikan, komponen-komponen lain juga turut menjadi keutamaan dalam menjayakan visi dan misi LESTARI. Terdapat enam komponen utama diberi penekanan di dalam memacu kecemerlangan LESTARI. Ianya merangkumi penyeliaan pasca siswazah dan latihan profesional, penerbitan, jaringan dan jangkauan, khidmat nasihat dan keahlian kepakaran dan sistem pengurusan pentadbiran dan sumber manusia.

Tujuh strategi ini juga diletakkan sebagai Bidang Keberhasilan Utama (KRA) dan menjadi tonggak utama LESTARI bagi melonjakkan peranannya sebagai pusat kecemerlangan di peringkat nasional dan global. Aktiviti-aktiviti dan program-program yang dirancang dan dilaksanakan disasarkan terus kepada enam komponen berkenaan.

Sebagai salah satu institut kecemerlangan, warga penyelidik LESTARI berhadapan dengan cabaran untuk menterjemahkan hasil dapatan saintifik mereka agar dapat dimanfaat oleh pihak berkepentingan yang terdiri daripada pembuat dasar, kumpulan industri dan masyarakat awam. Hasil penyelidikan yang signifikan akan lebih bertambah nilai sekiranya ia memberi impak kepada masyarakat. Justeru itu, penglibatan dan penyertaan penyelidik-penyeleidik untuk menyebar luas hasil kajian masing-masing di dalam forum, seminar, persidangan dan mesyuarat amat digalakkan.

KANDUNGAN CONTENTS

Collaboration for Sustainable Development in the Muslim World: Towards an Effective Multi-lateral Collaboration Approach **04**

Penerbitan 2013
Publications 2013 **12**

Kakitangan Pengurusan dan Akademik
Management and Academics Staffs **21**

2
Kumpulan Teras LESTARI
LESTARI Core Groups **23**

Putus Kecemerlangan Berpotensi (HiCOE):
Pemacu kepada Penyelidikan Kelestarian

01

Dari Meja Pengarah
From the Director

03

Impak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Samarahan, Sarawak Terhadap Pendapatan dan Kemiskinan Petani Luar Bandar

07

Penyelidikan 2013
Research Projects 2013

11

Jaringan dan Jangkauan 2013
Networks and Outreach 2013 **18**

18

Tentang LESTARI
About Lestari

20

Kakitangan Pentadbiran
Administration Staffs **22**

22

Kakitangan Sokongan
Support Staffs

22

Sidang Penyunting
Editorial Board **23**

23

Penerbitan Terkini
Current Publication **24**

DARI MEJA PENGARAH

FROM THE DIRECTOR



Assalamualaikum warahmatullah dan salam sejahtera. Bulan Disember 2011, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) telah diangkat sebagai salah sebuah Pusat Kecemerlangan Berpotensi (HiCoE) oleh Kementerian Pendidikan, Malaysia (sebelumnya dikenali sebagai Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia). Pengiktirafan ini merupakan anugerah yang cukup bermakna buat LESTARI sebagai sebuah pusat kecemerlangan dan juga pusat rujukan negara di dalam bidang alam sekitar dan pembangunan. Penganugerahan ini digalas dengan penuh tangungjawab oleh seluruh warga LESTARI. Ia bukan sahaja terletak di bahu kakitangan akademik malah juga melibatkan kakitangan pentadbiran dan sokongan.

LESTARI bakal menginjak ke usia 20 tahun pada bulan Oktober 2014. LESTARI beriltizam untuk menjadi sebuah Pusat Kecemerlangan (CoE) sepenuhnya. Berbicara berkenaan strategi bagi mencapai taraf CoE ini, LESTARI berusaha gigih untuk mempertingkatkan lagi tugas-tugas akademik teras seperti menjalankan penyelidikan, pengajaran dan penyeliaan pelajar siswazah, penerbitan, jaringan dan jangkauan serta khidmat masyarakat. Selain daripada itu, cabaran besar buat warga penyelidik LESTARI ialah bagaimana mengkomunikasikan hasil-hasil dapatan penyelidikan supaya memberi manfaat kepada pembangunan masyarakat dan negara. Justeru itu, kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam pelbagai medium dilakukan bagi membantu mereka merancang, melaksana dan memantau program-program pembangunan yang bakal memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Adalah menjadi harapan LESTARI diangkat sebagai CoE menjelang tahun 2014. Usaha keras dan berterusan perlu diteruskan bukan untuk memperoleh penarafan semata-mata, tetapi lebih penting sentiasa siap siaga untuk meningkat dan memperbaiki prestasi sedia ada.

Assalamualaikum warahmatullah and salam sejahtera. The Institute for Environment and Development (LESTARI) was lifted as one of the Higher Institution Centre of Excellence (HiCoE) by the Ministry of Education, Malaysia. This award was significant for LESTARI as a centre of excellence as well as a reference centre in the country on matters relating to environment and development. The onus that comes with the prospect and recognition of the Institute as a HiCoE falls upon the shoulder of all members of the Institute, be it the academic staff, the administrative staff as well as the support staff.

With LESTARI turning 20 years old in the year 2014, it aims to become a full Centre of Excellence (CoE) by then. In order to attain the standard of a CoE, LESTARI needs to improve on its core academic activities such as research, teaching, and supervision of graduate students, publication, network and outreach as well as community service. Apart from that, the biggest challenge for the researchers in LESTARI is the communication of research output that benefits the development of the community and the country. Hence, collaborations with stakeholders in various platforms are undertaken to help these stakeholders to plan, execute and monitor development program that would generate positive benefits for the community and the country.

It is our hope that LESTARI could be fully recognised as a CoE in year 2014. The hard work undertaken by LESTARI needs to be continued not only for the purpose of achieving the status of CoE, but more importantly, we should be constantly prepared to better and to improve present performance.

COLLABORATION FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT IN THE MUSLIM WORLD: TOWARDS AN EFFECTIVE MULTI-LATERAL COLLABORATION APPROACH

Abdul-Mumin Abdulai | *mumins2003@yahoo.com*

The intention of this article is to examine briefly the prevailing poverty, deprivation and underdevelopment issues in the midst of abundant resources (both natural and human) in most countries of the Muslim World. It is envisaged to propose a multi-lateral collaboration model that seeks to enhance collaboration or cooperation for sustainable development in the Muslim World.

In terms of natural resources, the attention has been placed largely on oil resources because of its economic power. In other words, oil commands much influence on the world's economy. A rise in oil prices sends the message down to the ordinary men in the streets. In the Islamic world, 11 out of the world's 19 largest oil reserve countries are Muslim nations. The first 5 of these largest oil reverse countries are Muslim nations; namely Saudi Arabia, Iraq, Kuwait, Iran and the United Arab Emirates. The majority of the Organization of Petroleum Producing Countries (OPEC) members are OIC countries. The Muslim world has a total population of 1,468,119,824. This population does not include Muslim communities in non-Muslim countries like India, China, United States of America, United Kingdom, etc.

The missing link can be found in the 2007 United Nations Development Program's (UNDP) Human Development Index (HDI). In this index, no Muslim country was found within the upper 10th quartile, that is from 0.900+ onwards. In the upper 20th quartile (i.e. 0.800-0.999), there were 10 Muslim countries. The first being Brunei with 0.894 and was placed as 30th. That means the first 29 best human-developed countries did not include any Muslim countries. Worst of all, 11 of the OIC member countries are among the least human-developed countries.

THE DEVELOPMENT COLLABORATION OCTAGON MODEL (*DeCOM*)

Economic collaborations in the 21st century have largely assumed "birds of the same feathers flock together" pattern. That is, development collaborations are too often been pursued among countries of similar economic standings, for example the countries under the G8, G20

and South-South cooperation. Most of such conventional multilateral collaborations appear to have been pursued among countries of the same economic status. Such patterns of collaborations are heavily skewed or slanted in favor of the higher income and industrialized nations. This pattern cannot unleash greater and meaningful development impact worldwide, as far as the huge number of poor countries is concerned. This is exactly the reason for proposing the Development Collaboration Octagon Model (*DeCOM*).

For example, (with reference to Figure 1) if there is a collaboration to enhance sustainable livelihoods and good governance among the countries within each of the four zones, that is, AOB; BOC; AOH and GOH, such pattern of multi-lateral collaboration will appear to be highly skewed, thereby excluding the other four below-average zones housing the least-developed member countries. These below-average zones include: GOF; EOF; DOE and COD even though there are no countries in some of the zones, which is because not all the OIC countries are included in this current study. Similarly, if collaboration evolves horizontally among COG countries, it is most likely that such pattern of collaboration may have no wider impact, as these countries appear to have barely above-average capabilities.

Nevertheless, a pattern of collaboration that seems to incorporate the least, the medium and the better-off countries may assume either vertical or lateral dimensions, which is: AOE; BOF and DOH. Such patterns of collaboration have the potential to yield great impact as the least-developed countries are paired with the medium and the relatively developed countries. However, this kind of collaboration may still need other essential features to unleash greater and wider impact.

With the aim of minimizing these shortcomings, characterizing most conventional multi-lateral development collaborations as discussed above, the *DeCOM* has been proposed. It seeks to capture the horizontal, vertical and the lateral patterns of conventional collaborations. The octagonal collaboration should involve countries along A, B, C, D, E, F, G and H reflecting vertical, lateral or diagonal and horizontal dimensions in a group.

Qualitatively ranked, each group of eight OIC member countries will then include the following countries:

- 1= Excellent ability to manage livelihoods (relative standards);
- 2= Very good ability;
- 3= Good ability;
- 4= Average ability;
- 5= Fair ability;
- 6= Poor ability;
- 7= Very poor ability; and
- 8= Failed or zero ability.

OIC member countries such as Somalia, Sierra Leone (often described as the 'dead' or 'failed' economies) will fall within the 'failed or zero ability' zone. Also war ravaged member countries like Iraq, Afghanistan and Pakistan cannot be ignored in these efforts to scale up member countries' ability to reduce poverty and improve livelihoods within and across the OIC fraternity. Such failed, non-performing and war-stricken economies should be incorporated into the mainstream of the development collaboration. The development needs of the so-called 'dead economies' would be far from being met if they are paired with similar, like-manner or medium-level member countries.

In reality and as golden rule of this concept, a group should have at least 8 other member countries in a comparative advantage kind of engagement that reliably and mutually reflects resource endowments (i.e., natural resources & human resources like technical, scientific expertise, etc), utilization needs and, of course, poverty reduction and sustainable livelihoods aspirations of member countries. Starting with 8 countries will serve as a buffer should some countries fall out along the way.

CONCLUSION

This paper has presented a multilateral collaboration model seeking to enhance sustainable development in the Muslim World through effective collaboration.

A total of 40 member countries have been selected. The author has found that livelihood sustainability (measured by income and human poverty) differs significantly among the OIC countries. In conclusion and in order to overcome the daunting challenges to scaling up sustainable development, there is a dire need for effective collaboration among Muslim countries, hence the DeCOM.

Livelihoods Sustainability Index for the selected OIC countries has been calculated by using the following formula:

$$SLPI = \frac{\sum \text{Selected indicators}}{\text{Number of selected indicators}} \quad (1)$$

which states that sustainable livelihoods performance index (SLPI) for a country is a function of the country's average score in the selected indicators. Thus,

$$SLPI = \frac{(100-x) + L/R + W/S + (100-Und) + GG}{5} \quad (2)$$

Where (100-x) represents percentage of non-poor; L/R represents performance in literacy; W/S represents score in water supply; (100-Und) means score in scaling up nourishment; and GG means score in good governance.

However, the calculation is based only on the selected indicators and does not intend to preclude other equally important indicators, as this calculation can take on as many livelihood indicators as possible.

REFERENCE

Transparency International 2009.

Corruption Perceptions Index available from

<http://www.transparency.org/CPI2009Table/2009>

Human Development Index. available from

http://en.wikipedia.org/wiki/List_of_countries_by_Human_Development_Index

The Millennium Development Goals: A Report from

http://www.MDG_Export_20080716_083055890.

For more information on oil producing countries visit:

<http://www.aneki.com/oil.html>

Calculations of Sustainable Livelihoods Performance Index for the Selected OIC Countries

Selected OIC Member Countries	Income Poverty (%)	Non-Poor (%)	Human Poverty			Nourished	Good Governance Corruption Index (2009)	SLPI for the selected OIC Countries
	X	100-X	LR (%)	WS (%)	Un (%)	(%)	100-U _{nd}	
Algeria	2	98	92.5	85	4	96	2.8	74.9
Cameroon	17.1	82.9	n/a	70	26	74	2.2	57.3
Chad	n/a	n/a	37.6	48	35	65	1.6	46.8
Cote d'Ivoire	14.8	85.2	60.7	81	13	87	2.1	63.2
Egypt	3.1	96.9	86.2	98	4	96	2.8	76.0
Libya	n/a	n/a	98.9	71	2.5	97.5	2.5	67.5
Morocco	2	98	75.1	83	6	94	3.3	70.7
Nigeria	70.8	29.2	86.7	47	9	91	2.5	51.3
Sudan	n/a	n/a	77.2	78	26	74	1.5	57.7
Tunisia	2	98	95.7	94	2.5	97.5	4.2	77.9
Albania	2	98	99.4	97	6	94	3.2	78.3
Azerbaijan	3.7	96.3	99.9	78	7	93	2.3	73.9
Bahrain	n/a	n/a	99.8	n/a	n/a	n/a	5.1	INSFD
Iran	2	98	97.4	94	4	96	1.8	77.4
Kazakhstan	2	98	99.8	96	6	94	2.7	78.1
Kuwait	n/a	n/a	99.9	n/a	5	95	4.1	66.3
Kyrgyzstan	2	98	99.6	89	4	96	1.9	71.6
Oman	n/a	n/a	98.4	82	n/a	n/a	5.5	62.0
Qatar	n/a	n/a	97.6	100	n/a	n/a	7.0	68.2
Saudi Arabia	n/a	n/a	97	n/a	4	96	4.3	65.8
Turkey	3.4	96.6	96.4	97	3	97	4.4	78.3
U. A. E	n/a	n/a	97.7	100	2.5	97.5	6.5	75.5
Uzbekistan	2	98	99.3	88	25	75	1.7	72.4
Yemen	15.7	84.3	80.4	66	38	62	2.1	59.0
Bangladesh	41.3	58.7	72.1	80	30	70	2.4	56.4
Brunei	n/a	n/a	99.6	n/a	4	96	5.5	67.0
Indonesia	7.5	92.5	98.9	80	6	94	2.8	73.6
Malaysia	0.6	96.4	98.3	99	3	97	4.5	79.0
Pakistan	17	83	70	90	24	76	2.4	64.3
Suriname	n/a	n/a	95.2	92	8	92	3.7	70.7
Burkina Faso	27.2	72.8	39.3	72	15	85	3.6	54.5
Gambia	n/a	n/a	n/a	86	29	71	2.9	53.3
Mali	n/a	n/a	29.3	60	29	71	2.8	40.8
Niger	60.6	39.4	39	42	32	68	2.9	38.3
Senegal	22.3	77.7	51.3	77	20	80	3.0	57.8
Uganda	n/a	n/a	86.3	64	19	81	2.5	58.5
Lebanon	n/a	n/a	n/a	100	3	97	2.5	66.5
Jordan	2	98	99.1	88	6	94	5.0	76.8
Guyana	2	98	n/a	93	8	92	2.6	71.4
Maldives	n/a	n/a	98.2	83	10	90	2.5	68.4

Note :

INSFD = Insufficient data

LR = Literacy

WS = Water Supply

Un = Unnourished

SLPI = Sustainable Livelihoods Performance Index

Source: Author's calculations




Figure 1: Sustainable Livelihoods Performance Index for the Selected OIC Countries

IMPAK KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) SAMARAHAN, SARAWAK TERHADAP PENDAPATAN DAN KEMISKINAN PETANI LUAR BANDAR

Nor Diana Mohd Idris | dianamohdidris@yahoo.com

Sektor pertanian memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan sosial dan ekonomi Malaysia. Ia merupakan sektor keempat terpenting selepas sektor perkhidmatan, perindustrian dan sektor pembinaan dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara (Malaysia, 2010). Walau bagaimanapun, sektor ini masih berhadapan dengan pelbagai isu dan antara yang terpenting ialah kemiskinan terutamanya di kalangan petani yang menjalankan aktiviti berskala kecil. Pengurangan kemiskinan menerusi peningkatan pendapatan dan produktiviti pertanian merupakan strategi utama kepada pencapaian matlamat penghidupan lestari di kalangan petani miskin.

Pembangunan luar bandar dan sektor pertanian mendapat perhatian tinggi di dalam agenda negara khususnya melibatkan program-program pembasmian kemiskinan. Salah satu strategi pembasmian kemiskinan yang telah diperkenalkan ialah dengan mewujudkan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu atau *Integrated Agricultural Development Area* (IADA). IADA merupakan mekanisme utama pembangunan sektor pertanian dan

luar bandar yang bermula pada tahun 1960-an dan 1970-an. Ia berkembang pesat di negara-negara pertanian miskin seperti Sri Lanka, India dan Filipina dan beberapa buah negara lain. IADA diadaptasi daripada konsep Pembangunan Luar Bandar Bersepadu atau *Integrated Rural Development* (IRD) yang antara lain bertujuan bagi meningkatkan taraf hidup penduduk miskin luar bandar. IRD menekankan pentadbiran dan penyediaan fizikal yang berkait dengan aktiviti pertanian luar bandar seperti infrastruktur ladang, sistem pengairan, jalan ladang, mekanisasi, kilang pemprosesan dan lain-lain.

Di Malaysia, IADA diperkenalkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga (RMK-3) dan melibatkan pemasukan, penyatuan dan pelaksanaan bersistem bagi program dan kegiatan pertanian. Ia ditadbir dan diurus oleh pelbagai agensi seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perparitan dan Saliran, Lembaga Pertubuhan Peladang. Pendekatan pertanian bersepadu yang diperkenalkan berusaha menyelaras pelbagai prasarana seperti sistem pengairan, pemasaran, perkhidmatan kredit dan input-input pertanian (seperti baja, racun dan benih) dan mekanisasi.

Selain daripada itu, kemudahan sosial seperti kesihatan, pendidikan, keselamatan dan perhubungan turut sama dibangunkan bagi memperbaiki taraf hidup golongan miskin luar bandar. Projek-projek yang dilaksanakan menerusi mekanisme ini termasuklah projek-projek pengairan seperti MUDA, KEMUBU, KETARA, Kerian Sungai Manik, Seberang Prai dan Barat Laut Selangor.

Program pembangunan pertanian menerusi kepelbagaian tanaman bertujuan untuk meningkatkan pendapatan petani dan mengurangkan kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar. Salah satu strategi mengurangkan kemiskinan terutama di Sabah dan Sarawak adalah melalui projek yang menjana pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan (Malaysia, 2006). Keberkesanan pelaksanaan pembangunan pertanian dalam mengurangkan kemiskinan dapat diukur menerusi indikator ekonomi iaitu pendapatan dan kualiti hidup (Ahmad Mahzan, 2005). Di Malaysia, pengukuran insiden kemiskinan adalah dengan menggunakan kaedah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) berasaskan makanan (EPU, 2006). Menurut Chamhuri (2004), kadar kemiskinan masih tinggi di kalangan kemiskinan petani luar bandar yang terdiri daripada pekebun kecil, nelayan dan penoreh getah berbanding sektor-sektor lain. Di Sarawak, walaupun kadar kemiskinan dilaporkan berkurang sehingga 5.8 peratus (2009), namun ianya masih tinggi di IADA iaitu sebanyak 27.73 peratus (Malaysia, 2005).

KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA), SAMARAHAN SARAWAK

IADA Samaraham merupakan salah satu daripada IADA yang ditubuhkan oleh kerajaan. Matlamat penubuhan IADA Samaraham ialah meningkatkan pendapatan petani ke tahap RM1500 sebulan. Untuk mengenalpasti keberkesanan pelaksanaan IADA kepada petani di Samaraham Sarawak, satu kajian mikro telah dijalankan dengan mendapatkan maklumat pendapatan di kalangan 220 petani yang mengusahakan tanaman singkat masa dan nenas. Perbandingan pendapatan antara tahun 2000 dan 2005 dilakukan bertujuan untuk melihat impak perlaksanaan IADA terhadap pendapatan. Bagi tujuan ini, analisis ujian-t berpasangan dilakukan. Maklumat jumlah pendapatan petani dalam sebulan berbanding lima tahun lepas telah diperoleh. Jenis-jenis pendapatan petani terdiri daripada sumber pendapatan pertanian, bukan pertanian dan lain-lain. Sumber pendapatan pertanian terdiri daripada sumber tanaman teras, bukan teras dan upah pertanian. Manakala sumber bukan pertanian terdiri daripada gaji/upah dan hasil perniagaan. Sumber pendapatan lain terdiri daripada pendapatan bersih isteri/pasangan, sumbangan ahli keluarga (sebagai contoh

daripada anak-anak dan cucu-cucu) pencer, kebajikan, sewa tanah, faedah dan dividen serta pelaburan/royalti.

IMPAK TERHADAP PENDAPATAN DAN KEMISKINAN PETANI LUAR BANDAR

Pelaksanaan IADA telah memberi impak yang positif terhadap peningkatan pendapatan petani dari semua sumber pendapatan kecuali pendapatan bukan pertanian (lihat Jadual 1).

Hasil ujian-t menunjukkan bahawa secara perbandingan, terdapat perbezaan yang signifikan di antara purata pendapatan sebelum dan selepas pelaksanaan IADA, besar daripada 0 iaitu peningkatan sebanyak RM634.00 pada selang keyakinan 95 peratus dari RM501.60 hingga RM766.40, statistik ujian $t = 9.43$ pada darjah kebebasan 219 dan nilai-p ialah 0.01 dengan sisihan piawai = RM996.00. Ini membuktikan bahawa pelaksanaan IADA adalah berkesan dalam meningkatkan pendapatan petani secara keseluruhan.

Analisis bagi setiap kategori pendapatan pula, kajian mendapati purata pendapatan dari sumber pertanian adalah signifikan dan besar daripada 0 dengan nilai $t (219) = 7.99$, pada aras $\alpha \leq 0.01$ dan sisihan piawai = RM1044. Ini menunjukkan bahawa H_0 ditolak dan peningkatan jumlah pendapatan sebanyak RM563 menunjukkan bahawa IADA telah berjaya meningkatkan pendapatan pertanian petani. Manakala bagi sumber pendapatan lain juga telah meningkat sebanyak RM133 dan terbukti signifikan secara statistik dengan nilai $t (219) = 3.54$, pada aras $\alpha \leq 0.01$ dan sisihan piawai = RM556. Berbanding dengan sumber pendapatan bukan pertanian, di mana nilai min adalah kurang daripada 0 iaitu -RM62 dengan nilai $t = -0.79$ dan keputusan menunjukkan H_0 diterima. Ini bermakna IADA tidak berkesan dalam meningkatkan sumber pendapatan bukan pertanian. Sumber pendapatan bukan pertanian merangkumi gaji atau upah dan pendapatan perniagaan. Ini menunjukkan tidak ramai yang terlibat dengan aktiviti tersebut.

Petani IADA boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu golongan termiskin yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM482.00 yang merupakan tingkat pendapatan separuh daripada PGK terkini. Seterusnya golongan miskin yang berpendapatan kurang daripada RM765.00 yang merupakan PGK Sarawak pada tahun 2005. Golongan tak miskin merupakan mereka yang berpendapatan mele过asi PGK.

Jadual 2 menunjukkan pada tahun 2000 mereka yang berada di bawah paras PGK adalah seramai 118 orang (53.6%) di mana golongan termiskin adalah seramai 68

Jadual 1: Taburan Purata Pendapatan Responden

Sumber Pendapatan	2000	2005	Perubahan RM (+/-)	Nilai-t
Pertanian	RM586.00 (44.1%)	RM1149.00 (58.5%)	RM 563.00 (+96.0%)	7.99 ^a
Bukan Pertanian	RM540.00 (40.6%)	RM478.00 (24.3%)	RM62.00 (-11.4%)	-0.79 ^{TS}
Lain-lain	RM201.50 (15.1%)	RM334.50 (17.0%)	RM133.00 (+66.1%)	3.54 ^a
Jumlah Pendapatan	RM1328.00 (100.00%)	RM1962.00 (100.00%)	RM 634.00 (+47.6%)	9.43 ^a

Nota:

1. ^{a,b,c}signifikan pada 99%, 95% dan 90%.

2. ^{TS} tidak signifikan pada $\alpha \leq 0.10$

Sumber: Hasil kajian lapangan (2005)

orang (30.9%), manakala pada tahun 2005 mereka yang berada pada tahap tersebut adalah seramai 14 orang (6.4%). Ini menunjukkan kadar kemiskinan tegar di IADA Samaraham telah berkurangan sebanyak 24.5 peratus dalam tempoh lima tahun dengan kadar 4 peratus setahun. Selebihnya seramai 50 orang (22.7%) pada tahun 2000 dan 29 orang (13.2%) pada tahun 2005 adalah terdiri daripada golongan miskin. Pengurangan golongan miskin telah menyumbang kepada penurunan kadar kemiskinan iaitu sebanyak 9.5 peratus.

Bagi golongan tak miskin, berlaku penambahan sebanyak 33.3 peratus di antaranya terdapat penambahan mereka yang berpendapatan RM5001-RM10000.00 dan ke atas

iaitu sebanyak 1.4 peratus. Manakala golongan petani yang berpendapatan di dalam lingkungan RM1501-RM5000 telah meningkat sebanyak 21 peratus. Penyumbang paling tinggi adalah petani yang berpendapatan dalam lingkungan RM1501-RM3000 iaitu sebanyak 19.1 peratus dan selebihnya adalah petani yang berada dalam lingkungan pendapatan RM3001-RM5000. Manakala petani yang berjaya melepass PGK adalah sebanyak 2.7 peratus. Oleh yang demikian, berdasarkan PGK tahun 2005, didapati kadar kemiskinan telah berkurangan sebanyak 34.0 peratus, iaitu 53.6 peratus (2000) kepada 19.6 peratus (2005). Kadar penurunan adalah sebanyak 6.8 peratus setahun.

Jadual 2: Taburan Pendapatan Responden

Kategori pendapatan	Tingkat pendapatan	2000	2005	+/- (%)
Golongan termiskin	< RM482	68 (30.9%)	14 (6.4%)	- 24.5 %
Golongan miskin	RM483 – RM765 ¹	50 (22.7%)	29 (13.2%)	- 9.5%
Golongan tak miskin	RM766 - RM1000	26 (11.8%)	32 (14.5%)	+ 10.9%
	RM1001 – RM1500	40 (18.2%)	58 (26.4%)	+ 21.0%
	RM 1501 – RM3000	24 (10.9%)	66 (30.0%)	+ 21.0%
	RM3001-RM5000	6 (2.7 %)	12 (5.5%)	+ 1.4 %
	RM 5001 – RM 10 000	4 (1.8 %)	7 (3.2 %)	+ 1.4 %
	RM 10 001 dan ke atas	2 (0.9 %)	2 (0.9 %)	+ 1.4 %

Nota:

¹Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Sarawak pada tahun 2005 adalah RM765.00 untuk isirumah bersaiz 4.8 orang (atau RM159.37 seorang) (Unit Perancang Ekonomi, 2006). Isi rumah yang mempunyai pendapatan setengah daripada PGK (lebih l RM482 dan ke bawah) dikategorikan sebagai keluarga termiskin

Sumber: Hasil kajian lapangan (2005)

Secara keseluruhannya, kajian mikro ini menunjukkan terdapat perbezaan signifikan daripada segi pendapatan sebelum dan selepas petani menyertai IADA. Peningkatan pendapatan pertanian sebanyak 96 peratus berbanding sebelum menyertai IADA dengan sumbangan semasa bagi sumber pendapatan tersebut sebanyak 58 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan menunjukkan bahawa sumber pertanian masih lagi berperanan sebagai sumber pendapatan utama petani luar bandar di samping pendapatan-pendapatan lain. Oleh yang demikian, campurtangan IADA masih lagi diperlukan bagi meningkatkan pendapatan petani melalui sumber pertanian di samping mempelbagaikan produk-produk berasaskan pertanian bagi kelestarian penghidupan.

RUJUKAN

- Ahmad Mahzan Ayob. 2005. *Perancangan dan Penilaian Projek Pembangunan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak.
- Chamhuri Siwar. 2004. Pembasmian Kemiskinan dalam Fasa Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) Hingga Dasar Wawasan Negara (2002-2010): Satu Penilaian. pp. 5-47. Dlm. *Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Luar Bandar*(pytg) Mohamad Khairudin Mohamed dan Ahmad Syahir Sarani. Institut Perkembangan Minda (INMIND) Petaling Jaya.
- Malaysia. 2005. *Kajian Asas Sosio-Ekonomi Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Samarahan. Analisis Keseluruhan*. Pusat Pemindahan Teknologi dan Perundingan Universiti Malaysia Sarawak dan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Samarahan, Sarawak.
- IADA juga berjaya dalam mengurangkan kemiskinan di kalangan petani luar bandar ke tahap 57.5 peratus dalam tempuh 20 tahun. Namun ia masih belum memberansangkan kerana IADA Samarahan mengambil masa yang lama untuk mengatasi masalah kemiskinan ini berbanding dengan kawasan IADA lain seperti Seberang Perak yang berjaya membasmikan kemiskinan secara keseluruhan menjelang tahun 2005. Malahan kadar kemiskinan di IADA Samarahan merupakan yang tertinggi dicatatkan berbanding dengan IADA-IADA lain di Malaysia. Oleh yang demikian langkah untuk memperkasakan petani dan IADA dalam menjayakan matlamat pembasmian kemiskinan harus dijalankan bagi mencapai salah satu matlamat kearah Wawasan 2020.
- Malaysia. 2005. *Malaysia Mencapai Matlamat Pembangunan Milenium*. Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri. UNDP. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)*. Percetakan Negara Malaysia Berhad. Kuala Lumpur.
- Malaysia. 2010. *Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015)*. Percetakan Negara Malaysia Berhad. Kuala Lumpur.
- World Bank. 2008. World Development Report 2008. Agriculture of Development Dec 14, 2007 www.worldbank.org/wdr2008. [Diakses pada Julai 2009].



Projek Tanaman Nenas Merupakan Salah Satu Aktiviti Pengurangan Kemiskinan di IADA Samarahan, Sarawak (foto: Rospidah Ghazali)

PENYELIDIKAN 2013

RESEARCH PROJECTS 2013

No.	Tajuk dan Kod Penyelidikan	Pembangunan	Ketua Penyelidik	Tempoh Penyelidikan
1	Conceptualizing Environmental Values within Indigenous Knowledge for The Mainstream Education System <i>FRGS/1/2013/SS12/UKM/02/1</i>	Kementerian Pengajian Tinggi	Dr. Sharifah Zarina Syed Zakaria	1/4/2013 – 31/3/2016
2	A Study on Green Tourism Development for Rural Community Transformation in Malaysia <i>FRGS/1/2013/STWN01/UKM/03/1</i>	Kementerian Pengajian Tinggi	Dato' Shaharuddin Mohamad Ismail	1/4/2013 – 31/3/2016
3	Sustainability Assessment of The Coastal Zone in Langkawi, Geopark <i>PIP-2013-001</i>	Dana Universiti Penyelidikan	Prof. Dr. Che Aziz Ali	1/4/2013 – 31/3/2015
4	Pembangunan Lestari Wilayah <i>DPP-2013-126</i>	Dana Universiti Penyelidikan	Prof. Dr. Mazlin B. Mokhtar	1/1/2013 – 31/12/2013
5	Penentuan Alternatif untuk Mengukuhkan Sistem Pengurusan Bahan Kimia <i>DPP-2013-066</i>	Dana Universiti Penyelidikan	Prof. Dr. Mazlin B. Mokhtar	1/1/2013 – 31/12/2013
6	Kajian Asas Kompleksiti Governans Alam Sekitar: Perspektif, Kaedah, Cara dan Tindakan Pengukuhan Aspek Keadilan, Kesejahteraan dan Kesaksamaan Alam Sekitar ke Arah Melengkapi Usaha Pembangunan Lestari <i>DPP-2013-073</i>	Dana Universiti Penyelidikan	Dr. Sarah Aziz Abdul Ghani Aziz	1/1/2013 – 31/12/2013
7	Kajian Keberkesanan dan Impak Program Transformasi Luar Bandar: Kajian Kes Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kelantan, Perak dan Melaka <i>DPP-2013-069</i>	Dana Universiti Penyelidikan	Prof. Emeritus Chamhuri Siwar	1/1/2013 – 31/12/2013
8	Sejarah Tabii Batuan Pasir Kambrian, Kelestarian dan Kepentingan Sumber Tabii di atasnya kepada Masyarakat <i>DPP-2013-065</i>	Dana Universiti Penyelidikan	Prof. Dr. Che Aziz Ali	1/1/2013 – 31/12/2013
9	Pembinaan Keupayaan Komuniti Lestari <i>DPP-2013-070</i>	Dana Universiti Penyelidikan	Datin Paduka Dr. Halimaton Saadiah Hashim	1/1/2013 – 31/12/2013
10	The Measurement of Oil Palm Biomass Economic Potential on Low Carbon Economy Development in Malaysia <i>ERGS/1/2013/SS07/UKM/01/1</i>	Kementerian Pengajian Tinggi	Prof. Emeritus Chamhuri Siwar	2013 - 2015
11	Supporting Education System in Malaysia through Informal Education within Museums <i>ERGS/1/2013/SS10/UKM/02/2</i>	Kementerian Pengajian Tinggi	Dr. Sharifah Zarina Syed Zakaria	2013 - 2015
12	Membina Indeks Kesedaran dan Komitmen untuk Membudayakan Penghijauan <i>INDUSTRI-2013-001</i>	HEJIM (Dana UKM)	En. Shaharudin Idrus	10/2/2013 - 10/5/2015
13	Kerangka Sains Kelestarian dalam Governans Lingkungan Hidup di Kota Pekanbaru: Tumpuan kepada Hukum Pidana dan Pidata <i>XX-2013-002</i>	Universitas Islam Riau, Indonesia	Prof. Madya Dr. Muhammad Rizal Razman	1/7/2013 - 30/6/2015

PENERBITAN 2013

PUBLICATIONS 2013

BUKU | BOOKS

1. Jamaluddin Md. Jahi, **Muhammad Rizal Razman**, Rusli Zainal, Abdullah Sulaiman & Emrizal (Pnyt.). 2013. *Pengurusan Alam Sekitar di Malaysia dan Indonesia*. Bangi: Penerbit ATMA. ISBN 978-983-2457-59-6.

BAB DALAM BUKU | CHAPTER IN BOOKS

1. Abdul Samad Hadi. 2013. Membentuk Bandar Berdahayuni: Isu dan Pengurusannya di Malaysia. Dlm. Jamaluddin Md. Jahi, **Muhammad Rizal Razman**, Rusli Zainal, Abdullah Sulaiman & Emrizal (Pnyt.). *Pengurusan Alam Sekitar di Malaysia dan Indonesia*. Bangi: Penerbit ATMA.
